



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 10 NOVEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **725 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **30,304 kes** (72.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Pecahan kes yang sembuh adalah seperti berikut:

- Sabah (356 kes);
- Selangor (160 kes);
- Negeri Sembilan (46 kes);
- Wilayah Persekutuan Labuan (45 kes);
- Pulau Pinang (29 kes);

- Kedah (21 kes);
- Johor (19 kes);
- Sarawak (19 kes);
- Terengganu (13 kes);
- Perak (7 kes);
- WP Kuala Lumpur & Putrajaya (4 kes);
- Pahang (3 kes); dan
- Kelantan (3 kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Secara keseluruhannya, sehingga 10 November 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **869 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **42,050 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 11,446 kes**.

Untuk makluman, negeri Sabah mencatatkan sebanyak 397 kes (45.7 peratus) daripada keseluruhan kes positif pada hari ini. Negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan sebanyak 258 kes (29.7 peratus) daripada jumlah keseluruhan.

Sebanyak 28 kes (3.2 peratus) yang dilaporkan adalah berkaitan kluster-kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara.

Ini melibatkan Kluster Penjara Seberang Perai (13 kes), Penjara Kepayan (6 kes), Kluster PTS Tawau (3 kes), Kluster Penjara Sandakan (2 kes), Kluster Rumah Merah (2 kes) dan Kluster GK Tawau (2 kes).

Ingin dimaklumkan daripada 869 kes baharu pada hari ini, negeri Selangor melaporkan **satu (1) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.** Kes ini melibatkan bukan warganegara yang tiba dari negara Nepal.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 397 kes**

- 92 kes daripada kluster-kluster, termasuk 23 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Liawan, Kluster Tatahan dan Kluster GK Tawau**;
- 215 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 90 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 235 kes**

- 162 kes daripada kluster-kluster sedia;

- 33 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 40 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan : 141 kes**

- 129 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 10 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang : 27 kes**

- 22 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI); dan
- Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : 19 kes**

- 11 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak : 12 kes**
 - Sembilan (9) kes daripada kluster sedia ada;
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah : Tiga (3) kes**
 - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Johor : Lapan (8) kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: Sembilan (9) kes** daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kube**.

- **Wilayah Persekutuan Labuan : Lapan (8) kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Sarawak : Enam (6) kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya : Tiga (3) kes** daripada kluster-kuster sedia ada.

Sehingga kini, terdapat **82 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **27 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **enam (6) kes** kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **300 kes** (0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (Kewarganegaraan)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
295	10729	Sabah	Lelaki (WN)	77	Hospital Semporna	Bengkak kelenjar prostat (BPH)
296	13718	Sabah	Lelaki (WN)	47	Hospital Semporna	-
297	37627	Sabah	Lelaki (WN)	53	Hospital Duchess of Kent	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan strok
298	37624	Sabah	Perempuan (WN)	62	Hospital Duchess of Kent	Kanser pangkal rahim, kanser payudara dan osteoarthritis
299	40579	Sabah	Lelaki (WN)	84	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit Parkinson, bengkak kelenjar prostat (BPH) dan Hepatitis B
300	39869	Sabah	Perempuan (BWN)	65	Hospital Duchess of Kent	-

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

KLUSTER YANG DIISYTIHAR TAMAT

KKM ingin memaklumkan bahawa **empat (4)** kluster diisytiharkan tamat pada hari ini.

1. KLUSTER RINTING

Kluster ini melibatkan negeri Melaka dan Johor. Sehingga 10 November 2020, seramai 302 individu telah disaring di mana 10 kes yang dikesan positif COVID-19 dan baki 292 individu lagi adalah negatif. Tiada kematian dilaporkan bagi kluster ini.

2. KLUSTER SEMARAK

Kluster ini melibatkan negeri Sabah. Sehingga 10 November 2020, seramai 19 individu telah disaring di mana 14 kes yang dikesan positif COVID-19 dan baki lima (5) individu lagi adalah negatif. Tiada kematian dilaporkan bagi kluster ini.

3. KLUSTER JELOK

Kluster ini melibatkan negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sehingga 10 November 2020, seramai 31 individu telah disaring di mana lima (5) kes telah dikesan positif COVID-19 dan baki 26 individu lagi adalah negatif. Tiada kematian dilaporkan bagi kluster ini.

4. KLUSTER SABINDO

Kluster ini melibatkan negeri Sabah. Sehingga 10 November 2020, seramai 76 individu telah disaring di mana 14 kes telah dikesan positif COVID-19 dan baki 62 individu lagi adalah negatif. Tiada kematian dilaporkan bagi kluster ini.

EMPAT (4) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **empat (4) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1. KLUSTER LIAWAN

Kluster baharu ini melibatkan daerah Keningau di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-37553) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 5 November 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Keningau. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 23 lagi kes positif COVID-19. Kes-kes ini dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah Keningau, Sabah.

Sehingga 10 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 95 individu telah disaring, di mana:

- 24 kes dikesan positif COVID-19 (**11 kes baharu**);

- 54 individu dikesan negatif; dan
- 17 individu masih menunggu keputusan.

2. KLUSTER TATAHAN

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Kinabalu di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-32597) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 1 November 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 17 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes tersebut dimasukkan ke Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah, Likas dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah Kota Kinabalu.

Sehingga 10 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 28 individu telah disaring, di mana:

- 18 kes dikesan positif COVID-19 (**10 kes baharu**); dan
- 10 individu dikesan negatif.

3. KLUSTER GK TAWAU

Kluster ini melibatkan daerah Tawau, Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-12923) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 6 Oktober 2020.

Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 48 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Tawau.

Sehingga 10 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 168 individu telah disaring, di mana:

- 49 kes dikesan positif COVID-19 (**2 kes baharu**);
- 41 individu dikesan negatif; dan
- 78 individu masih menunggu keputusan.

4. KLUSTER KUBE

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Bharu dan Tanah Merah di negeri Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-40206) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 7 November 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak sembilan (9) lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Tumpat dan Hospital Raja Perempuan Zainab II.

Sehingga 10 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 61 individu telah disaring, di mana:

- 10 kes dikesan positif COVID-19 (**9 kes baharu**);
- 46 individu dikesan negatif; dan

- Lima (5) individu masih menunggu keputusan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;

- Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

10 November 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 10 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	397	21,189
SELANGOR	236 (1)	6,523
W.P. KUALA LUMPUR	19	3,216
NEGERI SEMBILAN	141	2,454
KEDAH	3	2,220
PULAU PINANG	27	1,421
W.P. LABUAN	8	1,054
SARAWAK	6	997
JOHOR	8	949
PERAK	12	659
PAHANG	0	395
MELAKA	0	332
TERENGGANU	0	225
KELANTAN	9	197
W.P. PUTRAJAYA	3	181
PERLIS	0	38
JUMLAH KESELURUHAN	869 (1)	42,050

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif
(10 November 2020)**

Bil.	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	Jumlah Kematian
1	Kaya	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor, Johor	Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Lembah Pantai, Cheras, Kepong, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat, Kluang, Kota Tinggi	76	693	2,302	297 (2)	396	0
2	Usaha	Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor	Klang, Petaling, Kuala Langat, Kuala Selangor, Titiwangsa, Lembah Pantai, Segamat	49	226	578	202 (0)	24	0

3	Cergas	Negeri Sembilan	Seremban	42	294	1,955	284 (0)	10	0
4	Hentian	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan	Hulu Langat, Petaling, Sepang, Klang, Gombak, Cheras, Titiwangsa, Putrajaya, Seremban	33	463	2,281	226 (1)	237	0
5	Perigi	Selangor	Klang	32	71	151	70 (0)	1	0
6	Lengkuik	Selangor, Negeri Sembilan	Sepang, Hulu Langat, Seremban, Port Dickson, Rembau	25	205	761	190 (0)	15	0
7	Bah Manggis	Sabah, Selangor, Negeri Sembilan	Tawau, Kuala Langat, Klang, Gombak, Sepang, Seremban, Port Dickson	22	159	2,179	64 (0)	95	0
8	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	13	502	3,167	223 (0)	279	0

9	Ria-30	Sabah	Tuaran	13	62	799	62 (0)	0	0
10	Dialisis	Sabah	Lahad Datu	12	39	107	35 (0)	4	0
11	Rengas	Perak	Kuala Kangsar	9	110	455	110 (0)	0	0
12	Teratai	Selangor	Klang, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	8	91	225	90 (0)	1	0
13	Intan	Pulau Pinang, Kedah	Timur Laut, Barat Daya, Kuala Muda	8	70	478	66 (1)	4	0
14	Titir	Sabah	Keningau	7	144	2,005	39 (0)	105	0
15	Tapak Bina Damanlela	WP Kuala Lumpur, Selangor	Kepong, Titiwangsa, Lembah Pantai, Cheras, Gombak, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	7	38	450	38 (0)	0	0
16	Penjara Kepayan	Sabah	Kota Kinabalu, Papar, Penampang, Sipitang	6	1,831	3,954	215 (1)	1,616	0

17	Mampulut	Sabah	Keningau	6	69	361	67 (0)	2	0
18	Saguking	WP Labuan	Labuan	5	366	3,539	171 (0)	194	1
19	PTS Tawau	Sabah	Tawau	3	609	1,671	156 (0)	452	1
20	Mesra	Sabah	Sandakan	3	149	176	62 (0)	86	1
21	Greenhill	Sarawak	Kuching, Miri, Bintulu	3	82	1,305	53 (0)	29	0
22	Tanamera	Sabah	Tawau, Tuaran	3	77	160	42 (0)	35	0
23	Gedong	Negeri Sembilan, Selangor, Johor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Seremban, Port Dickson, Rembau, Kuala Pilah, Tampin, Petaling, Gombak, Klang Johor Bahru, Cheras, Lembah Pantai, Putrajaya	3	68	709	56 (0)	12	0
24	Nahaba	Sabah	Kota Belud	3	28	124	28 (0)	0	0
25	Penjara Sandakan	Sabah	Sandakan	2	427	1,233	425 (1)	2	0
26	Rumah Merah	Sabah	Kota Kinabalu	2	418	1,796	367 (1)	51	0

27	Basung	Sabah	Kudat	2	90	699	29 (0)	61	0
28	Jaya	Negeri Sembilan, Selangor	Seremban, Sepang	2	68	121	19 (0)	49	0
29	Permatang	Kedah, Pulau Pinang, Perak	Kulim, Langkawi, Kota Setar, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara, Timur Laut, Seberang Perai Selatan, Kinta	2	48	1,392	47 (2)	0	1
30	Tempayan	Sabah	Penampang, Kota Kinabalu	2	34	253	16 (0)	18	0
31	Samudera	Sabah	Sandakan	2	21	183	9 (0)	12	0
32	Numbak	Sabah	Kota Kinabalu	2	10	23	9 (0)	0	1
33	Gading	WP Putrajaya, Negeri Sembilan, Johor	Putrajaya, Seremban, Segamat	2	9	36	6 (0)	3	0

34	Utama	Selangor, Melaka, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor, Sepang, Alor Gajah, Lembah Pantai, Titiwangsa, Kepong, Cheras	1	263	1,211	34 (0)	229	0
35	Melati	WP Kuala Lumpur, Selangor, Pahang, Perak	Titiwangsa, Kepong, Cheras, Klang, Petaling, Hulu Langat, Kuantan, Bagan Datuk, Hilir Perak	1	77	398	14 (1)	63	0
36	Bah Tropicana	Selangor, WP Kuala Lumpur	Petaling, Gombak, Klang, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong, Cheras	1	70	889	15 (0)	55	0
37	Kempas	Johor	Johor Bahru, Kulai, Pontian, Kluang	1	55	1,824	18 (0)	37	0

38	Keladi	Selangor	Klang, Kuala Langat	1	51	351	7 (0)	44	0
39	Titian	WP Labuan	Labuan	1	50	530	31 (0)	19	0
40	Taman Bunga	Negeri Sembilan	Seremban, Kuala Pilah, Jelebu, Jempol	1	47	1,045	20 (0)	27	0
41	Telipok	Sabah	Kota Kinabalu, Tuaran	1	18	160	8 (0)	10	0
42	Seridana	WP Putrajaya	Putrajaya	1	15	98	12 (0)	3	0
43	Tembaga	Pulau Pinang	Timur Laut, Barat Daya	1	14	171	8 (0)	6	0
44	Berendam	Melaka, Johor	Alor Gajah, Melaka Tengah, Tangkak	1	13	2,079	12 (0)	1	0
45	Seri Terapi	WP Kuala Lumpur, Melaka	Kepong, Alor Gajah	1	13	163	13 (0)	0	0
46	Padang	Johor	Kota Tinggi	1	6	559	6 (0)	0	0